

Pemohon, pekerja yang diberhentikan dipelawa

# 4,411 jawatan kosong di IPTA

Oleh THOMAS CHONG  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 5 Mac – Pemohon berkelayakan termasuk pekerja yang diberhentikan dipelawa mengisi kekosongan 4,411 jawatan di 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, jawatan yang ditawarkan secara kontrak itu boleh dipohon melalui laman web Kementerian Pengajian Tinggi iaitu [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my).

Menurutnya, kekosongan jawatan berstatus kontrak itu perlu diisi secara sementara bagi menggantikan tenaga akademik yang melanjutkan pelajaran melalui pembiayaan kerajaan.

“Kita tidak boleh mengambil tenaga akademik ini secara kekal kerana lebih 4,000 kekosongan itu bertujuan menampung pelajar yang di biaya kerajaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat kedoktoran.

“Sehingga 30 Disember lalu, jumlah jawatan akademik yang diisi di semua 20 IPTA adalah sebanyak 23,977,” katanya selepas melancarkan Pejabat Pengurusan Program Elektronik (ePMO) Kementerian Pengajian Tinggi di sini hari ini.

ePMO merupakan satu persada berasaskan web yang membantu Pejabat Pengurusan Program menguruskan projek yang dilaksanakan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPSTN).

Mohamed Khaled berkata, statistik

Kekosongan jawatan akademik di IPTA	
Universiti Putra Malaysia	882
Universiti Sains Malaysia	512
Universiti Kebangsaan Malaysia	411
Universiti Malaya	313

menunjukkan Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan kekosongan jawatan akademik tertinggi sebanyak 882 orang, diikuti Universiti Sains Malaysia (512), Universiti Kebangsaan Malaysia (411), Universiti Malaysia Sarawak (334) dan Universiti Malaya (313).

Dalam pada itu, beliau berkata, untuk menambah bilangan pelajar cemerlang melanjutkan pengajian sains tulen, kerajaan mulai tahun ini memperkenalkan biasiswa khas tenaga akademik IPTA dalam bidang tersebut.

“Objektif biasiswa ini adalah untuk menarik pelajar cemerlang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama dalam bidang sains tulen di IPTA.

“Peringkat awal pelaksanaan program biasiswa ini melibatkan pengajian fizik, kimia, biologi, matematik dan seni bina. Bidang-bidang ini dianggap kritikal bagi pusat kecemerlangan IPTA,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak RM7 juta juga diperuntukkan bagi membiayai pengajian 400 penerima biasiswa ter-



**MOHAMED Khaled Nordin (tengah)** meneliti buku *Maklumat Biasiswa Khas Tenaga Akademik IPTA* sambil diperhatikan oleh **Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Zulkifli A.Hassan (kiri)** dan **Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi di Putrajaya, semalam.**

sebut di universiti luar negara pada tahun kedua atau ketiga pengajian melalui kaedah pindaan kredit pengajian.

“Permohonan sudah dibuka dan mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman web Kementerian Pengajian Tinggi,” katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled memberitahu, sebanyak tiga pusat sehati iaitu [1-stop.edu.my](http://1-stop.edu.my), [studymalaysia.com](http://studymalaysia.com) dan *Portal Pengambilan Staf Akademik IPTA* telah dibangunkan oleh kementerianya.

“*1-stop.edu.my* merupakan pusat sehati untuk graduan mendapatkan pekerjaan manakala *studymala-*

*aysia.com* memberi penerangan mengenai bidang-bidang pengajian yang ditawarkan IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta serta maklumat mengenai biasiswa.

“Portal Pengambilan Staf Akademik IPTA pula dibangunkan untuk memaklumkan mengenai kekosongan jawatan pensyarah di IPTA,” katanya.